

15 AUG 2003

MAHATHIR-NAMIBIA

LABUR DI NAMIBIA, DR MAHATHIR BERITAHU PELABUR M'SIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta badan korporat Malaysia untuk melabur di Namibia apabila mereka kini dalam keadaan yang sesuai untuk melakukan pelaburan berbalik selepas pulih daripada krisis kewangan 1997.

"Kita mempunyai banyak perancangan sebelum krisis kewangan untuk melabur di Namibia, tetapi disebabkan krisis itu, kita tidak berupaya untuk melaksanakan rancangan itu," katanya.

"Bagaimanapun, keadaannya semakin baik sekarang (dan) mereka mahu kita pergi melabur ke negara itu," katanya kepada pemberita selepas perbincangan bilateral dengan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma di luar persidangan Dialog Antarabangsa Perkongsian Bijak Global 2003 yang sedang berlangsung di sini Khamis.

Ezulwini terletak beberapa kilometer di luar ibu kota Bandaraya Mbabane.

Dr Mahathir berkata, antara bidang yang berpotensi menguntungkan termasuk sektor pembinaan, penternakan, perikanan, perlombongan batu permata, perlombongan tembaga serta eksplorasi minyak dan gas.

Katanya, ada juga peluang perniagaan bagi firma tekstil memandangkan kejayaan yang dicapai oleh Ramatex Bhd yang sehingga akhir tahun akan mengambil bekerja sehingga 10,000 orang berbanding permulaan yang kecil dalam 1998.

Ramatex Bhd ialah pelabur terbesar Malaysia di Namibia.

Dr Mahathir turut memberi jaminan kepada Dr Nujoma bahawa Malaysia akan menghantar satu delegasi ke Namibia untuk melaksanakan kajian khusus bidang berpotensi yang boleh memperluaskan hubungan bilateral yang termasuk peluang perdagangan dan pelaburan.

Ketika ditanya hasil perundingan pada hari pertama dialog berkenaan, khususnya berkaitan keselamatan antarabangsa dan kuasa besar menggunakan langkah unilateralisme seperti dibuktikan oleh Amerika Syarikat ketika menyerang Iraq walaupun menerima kutukan antarabangsa, beliau berkata: "Yang nampak jelas ialah masing-masing negara berasa takut kalau-kalau mereka dijadikan sasaran dan oleh kerana itu mereka ingin mengadakan pendirian yang sama untuk menangani masalah kelemahan Bangsa-Bangsa Bersatu."

"Kita ingin nak perkuatkan balik Bangsa-Bangsa Bersatu," kata beliau.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, yang turut serta dalam dialog tersebut dan perbincangan dua hala antara Malaysia dan Namibia, menjelaskan bahawa negara-negara Afrika tidak senang dengan hasil daripada serangan Amerika ke atas Iraq.

Mereka sendiri mengetahui bahawa alasan-alasan yang diberi untuk menyerang Iraq adalah lemah dan tidak mempunyai fakta-fakta yang kukuh, kata beliau.

Azmi berkata, dialog yang dihoskan oleh Swaziland kini berubah, iaitu selain dari segi berbincang mengenai pakatan ekonomi dan pakatan perniagaan, tumpuan juga beralih kepada pakatan politik supaya kekuatan politik dapat disatukan dan negara-negara kecil Afrika dapat bersatu dan memberi satu suara yang bulat menentang ketidakadilan dua tiga kuasa besar mengawal dunia.

Negara-negara Afrika hari ini telah membuat ketetapan bahawa tiap-tiap negara perlu adalah kekuatan dalam negara mereka masing-masing.

"Barulah satu pakatan sesama negara Afrika akan wujud dan mereka dapat

bersuara dengan lebih lantang dan kukuh menentang tindakan yang tidak wajar," kata beliau.

Tetapi negara-negara Afrika sendiri mengeluh mereka tidak bersatu dan oleh kerana itu, mereka selama ini tidak mencapai kesepakatan.

"Tetapi hari ini, dialog antarabangsa perkongsian pintar menjurus kepada persepakatan," kata Azmi.

Beliau berkata mereka juga menyedari bahawa manipulasi negara asing membawa kepada perpecahan mereka sendiri.

Tetapi majoriti mereka yang hadir pada hari ini mempunyai pendirian yang sama iaitu berpakat dan perlu ada kekuatan dalam negara mereka masing-masing.

Kuasa-kuasa asing mengetahui Afrika sebuah negara yang cukup kaya dengan hasil-hasil alam dan kalau Afrika berpecah, negara-negara benua itu akan terus dieksploitasi secara berterusan dan ini tidak membawa keadilan kepada masyarakat mereka.

Menteri itu berkata, dialog di Swaziland sudah menjangkau ke satu tahap yang lebih "panas" iaitu kesedaran politik yang menyerlah.

Azmi berkata, Dr Mahathir memberi jaminan kepada Dr Nujoma bahawa Malaysia sentiasa terbuka dari segi memberi latihan kepada masyarakat Namibia serta sedia memindahkan teknologi ke negara-negara Afrika termasuk Namibia. -- BERNAMA

MR FR AHM